



## TEKS UCAPAN ALUAN

**NIK NAZMI NIK AHMAD  
MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM  
(NRECC)**

**MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA  
PERINGKAT NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR TAHUN 2023**

**DAN**

**MAJLIS PERASMIAN PEJABAT HUTAN DAERAH ROMPIN, PAHANG  
DARUL MAKMUR**

**15 NOVEMBER 2023 (RABU)**

**ROMPIN, PAHANG**

---

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Malaysia  
Madani

**Mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda  
Yang Di-Pertuan Agong** Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa  
Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah

Ampun Tuanku beribu-ribu Ampun,

Sembah patik mohon diampun,

Patik memanjatkan syukur kehadrat Allah Rabbul`alamin dan dengan penuh takzimnya merafak sembah menjunjung kasih di atas limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku berangkat bercemar duli ke Majlis Sambutan Hari Hutan Antarabangsa 2023 Peringkat Negeri Pahang Darul Makmur dan Majlis Perasmian Pejabat Hutan Daerah Rompin, Pahang pada hari yang berbahagia ini. Seterusnya patik dengan segala hormat dan takzimnya memohon limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku untuk menyampaikan ucapan kepada para hadirin sekalian.

Ampun Tuanku,

2. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya dapat patik pacal-pacal sekalian berkumpul dalam Majlis Sambutan Hari Hutan Antarabangsa 2023 Peringkat Negeri

Pahang Darul Makmur dan Majlis Perasmian Pejabat Hutan Daerah Rompin, Pahang. Patik amat bersukacita dan berterima kasih di atas jemputan untuk menyampaikan ucapan di majlis yang bersejarah ini.

Ampun Tuanku,

3. Hari Hutan Antarabangsa disambut pada 21 Mac setiap tahun untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan hutan serta pemeliharaan dan pemuliharaannya. Tema sambutan Hari Hutan Antarabangsa bagi tahun 2023 ialah **“Forest and Health”** atau **“Hutan dan Kesihatan”**. Tema ini menekankan keseimbangan hubungan di antara manusia dan kesihatan yang mana hutan memainkan peranan penting dalam keseimbangan ekosistem alam semulajadi serta menyediakan keperluan asas seperti air dan udara yang bersih.

## **KOMITMEN NEGARA DALAM PERHUTANAN**

4. Malaysia akan terus komited dalam memelihara dan memulihara kawasan berhutan dan khazanah kepelbagaian biologi. Malaysia beriltizam untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan tanah negara dilitupi pokok-pokok dan kawasan hutan selaras dengan komitmen negara semasa Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, Brazil pada 1992. Pada masa ini, keluasan kawasan berhutan negara adalah 18,045,600 hektar atau 54.58 peratus daripada keluasan tanah negara.

5. Menyedari kepentingan hutan dalam menjamin kesejahteraan hidup, **Rancangan Fizikal Negara (RFN) Ke-4 telah menyasarkan**

**sejumlah 50 peratus kawasan berhutan di Semenanjung Malaysia menjelang tahun 2040.** Sasaran ini merupakan *game changer* dalam memperkuatkan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan berhutan di negeri-negeri.

## **PEMAKAIAN AKTA PERHUTANAN NEGARA (PINDAAN) 2022**

Ampun Tuanku,

6. Suka untuk Patik maklumkan bahawa Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) telah membentangkan Rang Undang-undang (RUU) Perhutanan Negara (Pindaan) 2022 di Parlimen pada tahun 2022. RUU Perhutanan Negara (Pindaan) 2022 telah pun diluluskan oleh Parlimen dan telah diwarta pada 20 September 2022 di peringkat Persekutuan.

7. Antara penambahbaikan utama yang diperkenalkan dalam pindaan tersebut adalah memperketatkan proses pewartaan keluar dan penggantian Hutan Simpanan Kekal (HSK) dengan memperkenalkan proses **penyiasatan awam** (*public inquiry*) sebelum sesuatu kawasan HSK diwarta keluar dan **penggantian serentak** bagi HSK yang diwarta keluar. Di samping itu, kadar denda maksimum bagi kesalahan hutan ditingkatkan daripada RM500 ribu kepada **RM5 juta** dan **hukuman penjara maksimum dinaikkan** kepada 7 tahun hingga 20 tahun sebagai langkah pencegahan (*deterrence*).

8. Patik amat **berharap semua kerajaan Negeri dapat terus memberikan sokongan dengan menerima pakai keseluruhan pindaan yang dicadangkan dalam RUU tersebut sebagai Enakmen Perhutanan (Pemakaian) di negeri masing-masing.**

## PENGEKALAN STATUS TAPAK RIZAB BIOSFERA UNESCO

Ampun Tuanku,

9. Kerajaan Persekutuan amat bangga dengan kejayaan Pahang **mengekalkan status Tasik Chini** sebagai Tapak Rizab Biosfera di bawah Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO). Patik percaya banyak lagi inisiatif dan aktiviti yang telah dirangka oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan pengurusan tapak rizab biosfera Tasik Chini yang lestari.

## KONSERVASI HARIMAU MALAYA

Ampun Tuanku,

10. Berkenaan tindakan strategik konservasi Harimau Malaya, suka Patik nyatakan disini bahawa antara **usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pahang** yang wajar dicontohi termasuklah pewartaan kawasan **Rizab Harimau Diraja Al-Sultan Abdullah**. Usaha ini dilaksanakan bagi menjaga habitat Harimau Malaya untuk meningkatkan populasinya dan menangani konflik antara manusia dan hidupan liar. Selain itu, penganjuran **First Pahang Tiger Summit** pada 29 Julai 2023 telah menyumbang kepada perkongsian pengetahuan dan kepakaran dalam menyokong inisiatif pemuliharaan Harimau Malaya.

## KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK

Ampun Tuanku,

11. Bagi memupuk kesedaran masyarakat terhadap kepentingan kawasan hutan dan kawasan hijau, aktiviti penanaman pokok akan terus dipergiatkan melalui Program Penghijauan Malaysia: Kempen

Penanaman 100 Juta Pokok. Sehingga kini, sebanyak **76.87 juta pokok** telah berjaya ditanam di seluruh negara. Dalam hubungan ini, patik ingin menjemput semua pihak untuk terus menyokong agenda nasional ini.

12. Bagi menggalakkan penglibatan lebih banyak sektor swasta dalam memberi sumbangan melalui projek amal atau komuniti, Kerajaan melalui **Belanjawan 2024** akan memberi **potongan cukai** kepada entiti yang menaja **aktiviti penanaman pokok atau projek kesedaran pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar yang disahkan oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)**. Untuk itu, aktiviti penanaman pokok bersama sektor swasta akan terus dilipat gandakan dengan kerjasama Yayasan Hijau Malaysia.

## **INISIATIF BAGI KONSERVASI BIODIVERSITI**

Ampun Tuanku,

13. Sebagai Kerajaan yang sangat prihatin kepada aspek pemuliharaan kepelbagaian biologi, langkah-langkah transformatif telah dipergiatkan dalam **pembentangan Belanjawan 2024** untuk mengukuhkan usaha membanteras pencerobohan, pembalakan haram serta pemburuan hidupan liar. Program Rondaan dan Perlindungan Biodiversiti (*Biodiversity Protection and Patrolling Programme - BP3*), pada tahun 2023 telah melantik seramai 1,500 orang Renjer Komuniti yang terdiri daripada Veteran Angkatan Tentera Malaysia, Veteran Polis Diraja Malaysia, masyarakat Orang Asli serta komuniti setempat. Bagi tahun 2024, Renjer Komuniti akan ditingkatkan kepada 2,000 orang dengan peruntukan sebanyak RM60 juta.

14. Selain itu, insentif kewangan bagi konservasi biodiversiti dan hutan (*Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation - EFT*) ditambah kepada RM200 juta pada tahun 2024 berbanding RM150 juta pada tahun 2023 untuk memperkasakan Kerajaan-kerajaan Negeri memulihara dan mewartakan kawasan perlindungan. Sejak tahun 2019, **Negeri Pahang** telah menerima peruntukan **EFT sebanyak RM22.8 juta**. Manakala sebanyak **RM14 juta disalurkan untuk tahun 2023**. Patik amat berharap supaya peruntukan EFT ini dapat dimanfaatkan bagi melaksanakan program dan aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan hutan dan kepelbagaian biologi.

## **RANGKA KEWANGAN REDDPLUS DAN PROJEK KARBON HUTAN**

Ampun Tuanku,

15. Untuk menyokong usaha dan hasrat kerajaan negeri yang ingin terlibat di dalam aktiviti projek karbon hutan, Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk menyediakan **Dana Pembangunan Projek Karbon Hutan** di bawah **Belanjawan 2024**. Inisiatif ini akan dilaksanakan melalui produk kewangan inovatif yang sedang dimuktamadkan, bagi membantu Kerajaan Negeri menjalankan aktiviti persediaan (*readiness*) sehinggalah penyediaan *Project Design Document* (PDD) mengunapakai piawaian atau standard antarabangsa yang sedia ada seperti Verra atau Gold Standard.

16. Selain itu, Kerajaan juga sedang membangunkan dan memuktamadkan program baharu di bawah **Sukuk Biodiversiti** yang diumumkan di bawah **Belanjawan 2024**, yang akan menampung usaha-usaha bagi *scaling up* sebarang projek karbon hutan yang akan

dibangunkan kelak, ke arah penyenaraian produk tersebut di platform perdagangan karbon seperti Bursa Carbon Exchange (BCX).

## **PENUTUP**

Ampun Tuanku,

17. Sekali lagi patik merakamkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku berangkat bercemar duli ke Majlis Perasmian Sambutan Hari Hutan Antarabangsa 2023 Peringkat Negeri Pahang Darul Makmur dan Majlis Perasmian Pejabat Hutan Daerah Rompin, Pahang. Dengan keizinan Allah SWT dan berkat daulat Tuanku, majlis pada hari ini akan beroleh kesempurnaan dan kerahmatan.

18. Patik berdoa semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda yang di Pertuan Agong, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang serta Yang Amat Mulia Paduka-Paduka anakanda dan yang Mulia paduka-paduka cucunda sentiasa di dalam sihat walafiat lagi dianugerahkan aman sentosa, Aamiin.

Menjunjung kasih Tuanku,

Sekian juga ucapan Patik, wabillahi taufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.